



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 1C Pt11 / (18)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

21 Oktober 2014

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PER: KEMASUKAN WANG KE AKAUN BANK LJT TANPA BORANG UKUR ATAU DOKUMEN SOKONGAN

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, sejak sistem eLJT diperkenalkan pada tahun 2011, ia telah memberi kemudahan kepada pihak Jurukur Tanah Berlesen (JTB) untuk menghantar borang-borang kerja ukur secara atas talian melalui sistem tersebut. Bagi memudahkan lagi urusan JTB atau pelanggan JTB, Lembaga telah menyediakan satu akaun bank di CIMB Bank, khas untuk kemudahan JTB atau pelanggan JTB membayar wang pertaruhan fi ukur ke LJT tanpa perlu hadir ke pejabat LJT. Lembaga akan menyemak borang-borang yang dihantar dengan kemasukan wang tersebut dipenyata akaun bank LJT untuk proses seterusnya.

3. Setelah beberapa tahun sistem ini digunakan, pihak kami mendapati kemudahan akaun bank ini tidak digunakan mengikut prosidur yang betul oleh sesetengah pihak. Terdapat wang telah dimasukkan ke akaun bank LJT tanpa disusuli dengan sebarang borang atau dokumen sokongan ke pejabat LJT dalam tempoh yang sama. Pihak yang memasukkan wang itu juga tidak menghubungi pejabat LJT dengan kadar segera untuk memberikan maklumat tentang kemasukan wang mereka.

4. Oleh itu adalah sukar bagi pihak Lembaga atau pihak bank untuk mengenal pasti pendeposit yang berkenaan dan tujuan wang tersebut dimasukkan ke akaun bank LJT. Untuk makluman sehingga kini jumlah kemasukan wang yang tidak dapat dikenalpasti pendepositnya semakin hari semakin bertambah sama ada dari segi bilangan transaksi mahupun jumlah amaunnya.

5. Sehubungan itu pihak Lembaga ingin memohon supaya JTB atau pelanggan JTB yang telah memasukkan wang ke akaun bank LJT untuk tampil dengan borang atau dokumen sokongan serta bukti kemasukan wang **dengan segera** bagi memudahkan pihak Lembaga merekod dan mengenalpasti pendeposit wang tersebut.

6. Untuk masa hadapan, adalah diharapkan agar pihak JTB atau pelanggan JTB yang memasukkan wang ke akaun LJT hendaklah **segera** mengemukakan maklumat berkaitan wang tersebut kepada Lembaga dengan penghantaran borang eLJT yang berkaitan atau melalui faks atau e-mail bagi memudahkan pihak kami membuat semakan dan pengesahan. Oleh itu pihak JTB dikehendaki memaklumkan kepada pelanggan-pelanggan mereka supaya segera menghubungi pejabat LJT jika pelanggan itu sendiri memasukan wang terus ke akaun LJT.

7. Bagi wang-wang yang tidak dapat dikenal pasti pendepositnya, ia akan dihantar ke Jabatan Akauntan Negara di bawah Akta Wang Tak Dituntut. Sebarang tuntutan ke atas wang yang telah dihantar ke tabung di bawah Akta Wang Tak Dituntut, mereka hendaklah berurusan dengan Pendaftar Akta Wang Tak Dituntut di Jabatan Akauntan Negara dengan dokumen sokongan dan bukti berkaitan kemasukkan wang tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SR ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

- s.k
1. **YBhg. Sr Ahmad Fauzi bin Nordin, JSM, SMZ, KMN**
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia
 2. **Presiden**
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia
(PEJUTA)